PERUTUSAN GABENOR

Sistem kewangan Malaysia kekal stabil dan kukuh, meskipun dalam persekitaran risiko yang meningkat, ketika perkembangan ketara pada peringkat global dan dalam negeri terus mempengaruhi sistem kewangan negara. Tahun 2015 turut menyaksikan ekonomi dunia mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan daripada jangkaan awal dengan turun naik pasaran kewangan yang ketara. Hakikatnya, pembangunan dan pembaharuan sektor kewangan sedekad yang lalu, yang diperkukuh oleh langkah-langkah awalan yang diperkenalkan sejak tahun 2006 untuk menangani risiko yang berkaitan dengan leveraj isi rumah dan kenaikan harga harta tanah, telah membendung kesan daripada perkembangan tersebut. Rangkuman kewangan dan pendidikan kewangan yang lebih meluas juga menyokong pelarasan yang diperlukan oleh isi rumah. Meskipun keadaan sektor kewangan dijangka terus mencabar pada tahun 2016, kekukuhan dan daya tahan industri perbankan dan insurans negara yang berterusan akan kekal disokong oleh pengurusan risiko yang mantap serta mudah tunai dan penampan modal yang lebih daripada mencukupi. Faktor-faktor ini akan memberikan sokongan kukuh terhadap aktiviti pengantaraan kewangan dan mengekalkan keupayaan sistem kewangan untuk menghadapi perkembangan ini.

Satu lagi perkembangan utama dalam sektor kewangan negara yang memberikan implikasi penting terhadap kestabilan kewangan ialah pembaharuan perundangan yang menyeluruh sepanjang 15 tahun lalu, yang menghasilkan enakmen 12 undang-undang untuk sektor kewangan. Undang-undang ini menjadi pemangkin kepada pengukuhan selanjutnya dalam rangka-rangka kerja pengawalan, penyeliaan dan institusi untuk menangani cabaran-cabaran baharu dalam pengurusan kestabilan kewangan. Cabaran ini juga termasuk peranan lebih besar pengantara kewangan bukan bank dalam aktiviti pengantaraan kewangan dalam penggemblengan dan pengagihan dana, kesan daripada usaha untuk memperdalam sektor kewangan. Hubungan antara sistem kewangan dengan ekonomi benar turut mengambil dimensi baharu yang lebih luas. Sistem kewangan juga semakin saling berhubung merentas sempadan dengan penyertaan institusi kewangan yang meningkat pada peringkat global dan serantau, selain pasaran kewangan antarabangsa yang lebih bersepadu. Selain itu, langkah memanfaatkan kemajuan teknologi telah meningkatkan kebergantungan operasi, yang mungkin mempengaruhi kestabilan fungsi-fungsi kritikal bank di Malaysia secara langsung. Akhir sekali, penjajaran rangka kerja pengawalseliaan domestik yang teratur dengan agenda pembaharuan pengawalseliaan global yang meluas telah diurus dengan sewajarnya untuk mencapai daya tahan jangka panjang yang lebih teguh tanpa gangguan yang tidak dijangka.

Sebagai respons kepada perkembangan-perkembangan tersebut, Bank juga telah meningkatkan pengawasannya serta mengkaji semula dan mempertingkatkan piawaian kehematan, amalan dan integriti untuk institusi kewangan. Langkah ini turut diperkukuh oleh rangka kerja dan pengaturan kerjasama yang lebih luas dengan pihak berkuasa yang lain.

Peningkatan penyeliaan, termasuk ke atas kumpulan kewangan, akan terus menjadi prioriti utama Bank pada masa akan datang. Dalam persekitaran semasa, Bank turut memberikan lebih perhatian terhadap tanda-tanda kecenderungan kitaran perlakuan bank (cyclical tendencies in bank behaviour). Berikutan pelaksanaan pelbagai langkah untuk menggalakkan pemberian pinjaman yang kukuh, penentuan harga berasaskan pengetahuan risiko dan amalan penyediaan peruntukan sepanjang tempoh pertumbuhan kredit yang kukuh, kecenderungan kitaran perlakuan bank kini telah dapat dikurangkan dengan nyata.

Satu lagi fokus Bank adalah untuk membangunkan satu set instrumen fungsian yang pelbagai bagi mengurus krisis, dengan berpandukan rangka kerja pengurusan krisis peringkat negara dan serantau. Pada masa akan datang, fokus adalah pada pelan pemulihan dan penyelesaian untuk meningkatkan disiplin pasaran serta memastikan fungsi-fungsi kritikal tidak akan terjejas oleh risiko sistem kewangan.

Sehubungan dengan itu, pembangunan dan kecanggihan sistem kewangan Malaysia yang semakin meningkat memerlukan semakan asas berhubung dengan pengukuran risiko kepada sistem secara tradisional. Didorong sebahagiannya oleh episod ketidaktentuan pasaran pendanaan pada tahun 2015, Bank memperkenalkan metrik mudah tunai baharu (nisbah perlindungan mudah tunai dan nisbah pinjaman kepada dana) untuk menyediakan pengukuran yang lebih komprehensif bagi risiko mudah tunai dalam sistem perbankan. Memandangkan bank semakin banyak memanfaatkan pasaran modal yang lebih maju untuk memperoleh dana, ditambah pula dengan saluran lebih luas yang dibangunkan untuk isi rumah dan perniagaan menyimpan dan melabur, pengukur mudah tunai yang lebih meluas kini diperlukan untuk mengukur kekukuhan aktiviti pendanaan bank. Usaha untuk meningkatkan kualiti dan menyediakan maklumat yang relevan kepada orang ramai adalah bertujuan untuk menggalakkan tindakan pasaran yang boleh menyumbang kepada kestabilan kewangan. Langkah-langkah juga telah diambil untuk melaksanakan piawaian yang konsisten dengan piawaian global bagi pendanaan dan mudah tunai, termasuk pengukuran dan penzahirannya.

Sebagai pihak berkuasa berwibawa di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001), Bank bekerjasama dengan pihak berkuasa lain yang relevan di Malaysia untuk memastikan kawalan dilaksanakan dan dikendalikan dengan berkesan bagi mencegah pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Dalam tempoh dua tahun yang lalu, usaha-usaha ini mendapat pemerhatian teliti antarabangsa di bawah penilaian bersama terhadap rangka kerja pencegahan pengubahan wang haram dan pembanterasan pembiayaan keganasan (anti-money laundering and counter-terrorist financing, AML/CFT) Malaysia oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force, FATF). Pada bulan September 2015, FATF telah menerbitkan laporan mengenai Malaysia yang mengesahkan tahap pematuhan teknikal negara yang tinggi dengan piawaian antarabangsa dalam usaha membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Bank, dengan kerjasama agensi lain yang menganggotai Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee to Counter Money Laundering), memberikan komitmen sepenuhnya dalam pelaksanaan langkah tambahan yang diperlukan untuk memastikan pelaksanaan piawaian ini berkesan merentas semua entiti pelapor yang aktivitinya terdedah kepada risiko penyelewengan kewangan. Berdasarkan komitmen Malaysia yang

ditunjukkan dalam pelan tindakannya dan kemajuan berterusan yang dicapai dalam usaha meningkatkan pelaksanaan program AML/CFT, Malaysia telah diberikan keahlian penuh dalam FATF pada bulan Februari 2016. Keberkesanan usaha Malaysia dalam melindungi integriti sistem kewangan negara daripada penyalahgunaan untuk aktiviti jenayah dan keganasan, banyak bergantung pada kekukuhan kawalan yang dilaksanakan oleh institusi pelapor, khususnya pengantara kewangan, untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan risiko yang mereka hadapi. Oleh itu, langkah ini perlu terus menjadi keutamaan yang tinggi dalam kalangan institusi pelapor kita.

Pada tahun 2015, sektor kewangan Islam turut meraih beberapa pencapaian penting. Terbitan sukuk pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab yang pertama bagi Malaysia serta terbitan rintis instrumen pasaran wang kelas baharu oleh Bank, akan terus menambah kedalaman dan kepelbagaian pasaran kewangan Islam di negara ini. Bank-bank Islam di Malaysia juga telah menyempurnakan proses selama dua tahun untuk melaraskan sepenuhnya semua akaun deposit pelanggan sedia ada dengan kontrak berlandaskan Syariah mereka. Ini akan menyumbang kepada potensi pengantaraan dalam bentuk akaun pelaburan yang menggalakkan perkongsian risiko secara langsung. Pada peringkat global, sememangnya diakui bahawa kewangan Islam berpotensi besar untuk menangani kebimbangan berhubung dengan perbezaan paras pendapatan dan mengatasi masalah sedia ada berkaitan dengan sistem pembiayaan, yang sebahagian besarnya berasaskan hutang. Bank terus menyokong pembangunan kewangan Islam melalui penglibatannya yang aktif dalam Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam yang menetapkan piawaian global dalam bidang pengawalan dan penyeliaan kewangan Islam yang berkesan untuk mengekalkan kestabilan kewangan dalam sistem kewangan Islam.

Selepas lima tahun pelaksanaan pelan strategik terperinci e-pembayaran seperti yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan, Bank telah melaksanakan sebahagian besar daripada inisiatif yang dirancang berhubung dengan pengawalan dan insentif pasaran. Ini bertujuan menggalakkan penggunaan e-pembayaran yang lebih meluas. Walaupun usaha-usaha ini telah menyumbang kepada kemajuan penting dalam pencapaian sasaran e-pembayaran seperti yang ditetapkan di bawah Pelan tersebut, namun masih banyak lagi tugas yang perlu dilaksanakan. Pada tahun-tahun yang akan datang, penambahbaikan kepada infrastruktur pembayaran dan peluasan jangkauan akan dipercepat supaya lebih banyak entiti perniagaan dan agensi kerajaan beralih kepada e-pembayaran. Sokongan lebih meluas juga diperlukan dalam pelaksanaan inisiatif yang berinovasi dalam industri kewangan untuk terus meningkatkan kemudahan e-pembayaran dan penentuan harga yang kompetitif dalam persekitaran ini.

Usaha menjadikan sistem kewangan negara lebih inklusif terus menjadi bahagian penting dalam mandat Bank untuk memajukan agenda kestabilan kewangan negara yang juga merupakan faktor yang kondusif untuk pertumbuhan yang mampan. Setelah mencapai kemajuan yang besar dalam usaha meningkatkan akses kewangan, yang menyaksikan perkhidmatan kewangan kini lebih mudah digunakan oleh 99% penduduk di seluruh negara, Bank menggiatkan usahanya untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan kewangan secara lebih berkesan. Khususnya, Bank menggalakkan inovasi yang berterusan, dengan tumpuan lebih inklusif terhadap seluruh spektrum perkhidmatan kewangan – termasuk simpanan, insurans, kredit dan pembayaran. Memandangkan tahap keberhutangan isi rumah semakin meningkat, Bank juga telah menumpukan perhatian terhadap usaha untuk mengekang trend ini dengan menyediakan

mekanisme bantuan yang lebih berkesan untuk isi rumah yang menghadapi kesukaran kewangan. Usaha ini terus disokong oleh program pendidikan dan juga pengawalan agar seimbang dengan objektif kestabilan, rangkuman dan integriti kewangan.

Meskipun banyak kemajuan telah dicapai oleh Bank dalam usahanya untuk menggalakkan kestabilan kewangan, namun masih banyak tugas yang perlu dilakukan, dan ini meliputi tugas yang semakin kompleks dari segi pertimbangan dan dimensinya. Oleh itu, pengawalan dan penyeliaan sistem kewangan oleh Bank dengan kerjasama pihak berkuasa lain yang relevan, akan terus berkembang pada peringkat negara, serantau dan antarabangsa. Sama pentingnya juga ialah Bank terus mengukuhkan keupayaan organisasinya yang kini disokong dengan baik oleh rangka kerja institusi yang kukuh, tenaga kerja berkemahiran tinggi dan rangkaian hubungan domestik, serantau dan antarabangsa yang utama, yang terbina sejak bertahun yang lalu, bagi memajukan lagi usaha ini pada masa akan datang.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
23 Mac 2016